

# 3 bulan di Tanah Suci

## Makkah al-Mukarramah

Syukur kepada Allah *'Azza wa Jalla* yang telah memberi taufiq dan kemudahan sehingga saya dapat menunaikan fardu haji pada tahun 1381 Hijriah yang baharu lalu, dan kembali dengan selamat ke Singapura.

Tulisan ini, yang akan disajikan dengan berturut-turut dalam Majalah Qalam, menggambarkan pemandangan saya selama tiga bulan di Tanah Suci Makkah al-Mukarramah, meliputi Jeddah dan Madinah al-Munawwarah.

Beberapa perkara tentang keadaan kapal ((Kuala Lumpur)) dan peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalamnya sepanjang-sepanjang pelayaran - pergi dan balik itu, tidak juga ketinggalan.

**(Oleh: Abdullah Basmeh)**

Pada tiap-tiap tahun, beratus-ratus ribu umat Islam dari seluruh dunia, mencurah-curah ke Tanah Suci untuk menunaikan fardu haji.

Sungguh berbahagia orang-orang yang telah disampaikan Allah hajatnya menunaikan rukun Islam yang sangat besar faedah dan manfaatnya di dunia dan di akhirat itu. Dan amatlah kecewa dan ruginya orang-orang yang mampu dan cukup syarat tetapi sengaja mengabaikan dan mempersiapkan peluang dan kemudahan yang telah dikurniakan Allah kepadanya.

Rukun Islam yang kelima ini, memberi kesempatan kepada tiap-tiap muslim dan muslimah (selain daripada menunaikan ibadat haji) dapat pula mereka menikmati berbagai-bagai faedah dari segi agama dan masyarakat. Di antaranya: mereka dapat menyaksikan dengan mata kepala akan rumah suci (Baitullah) yang menjadi kiblat umat Islam yang

berjumlah 500 juta lebih, tersergam dengan hebatnya sebagai lambang perpaduan dan tempat penampung rahmat Ilahi yang melimpah-limpah.

Mereka juga akan dapat menyaksikan bekas-bekas dan kesan-kesan peninggalan Junjungan kita Muḥammad Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* dan sahabat-sahabatnya di Makkah al-Mukarramah dan di Madinah al-Munawwarah sebagai kenangan sejarah zaman berzaman, tentang jasa-jasanya yang cemerlang.

Mereka juga akan dapat berkenal-kenalan dengan saudaranya orang-orang Islam dari berbagai-bagai bangsa dan warna kulit yang sedang berhimpun di Tanah Suci, dan akan dapat pula bertukar-tukar fikiran untuk kebajikan agama, bangsa dan tanah air masing-masing.

Dan akhirnya, (dan inilah kemuncak ibadah haji) mereka akan berhimpun dengan kira-kira satu juta kaum

selain di padang Arafah dengan pakaian ihram yang sama dan tujuan yang sama, berdoa dan memohon keampunan Allah ‘Azza wa Jalla dengan sepenuh-penuh khusyuk dan *khudu*<sup>3</sup>.

Kebesaran ibadat haji ini telah dijelaskan oleh Junjungan kita di dalam hadisnya, bahawa tiap-tiap seorang yang mengerjakannya dengan sempurna, akan bersih dari segala dosanya yang telah lalu. Bersih suci ibarat kanak-kanak yang baharu diperanakkan oleh ibunya.

Semuanya ini menjadikan ibadat haji suatu cita-cita yang suci murni, yang diidam-idamkan oleh tiap-tiap muslim dan muslimah, tua dan muda, kaya dan miskin, barang di mana sahaja mereka berada di segala pelosok dunia ini, dan akhirnya cita-cita itu menjadi azam yang bulat kepada semua orang yang mendapat kemudahan, lalu belayar ke Tanah Suci untuk menunaikannya.

\* \* \*

Kepada saya sendiri, menunaikan fardu haji di Tanah Suci adalah satu perkara yang memang telah lama dicita-citakan, dan akhirnya sampailah hajat saya itu.

#### **Tempat jatuh lagi dikenang...**

Dalam majlis keraian selamat belayar yang telah diadakan di Islamic Restaurant oleh rakan-rakan sejawat saya dari ((Qalam)) dan juga dari beberapa buah badan penerbit Melayu di Singapura, saya dengan terharu telah menyatakan: Kalau bakal-bakal haji yang lain berasa sukacita kerana dapat menunaikan fardu haji, maka saya sendiri berasa lebih dari itu, tegasnya berasa tiga kali sukacita.

Pertama: Kerana dapat menunaikan fardu haji.

Kedua: Kerana dapat menziarahi tanah tempat darah saya – Makkah al-Mukarramah. Ditempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermain!”

Ketiga: kerana dapat berjumpa dengan saudara-mara dan kaum kerabat saya di sana. Saya telah bercerai dengan mereka semenjak 35 tahun yang lalu.

Dalam pada itu, sedih juga meninggalkan Singapura watan saya yang dikasihi walau hanya selama 4 bulan. Saya telah menjadi rakyat Singapura semenjak tahun 1957. Tidak lama lagi akan menjadi rakyat ((Melayu Raya)) pula.

Kepada rakan-rakan sejawat dan sahabat handai yang budiman itu, yang telah menunjukkan ingatan yang baik terhadap diri saya, dan kepada penerbit Qalam yang telah bermurah hati memberikan 4 bulan cuti, sesungguhnya saya terhutang budi dan Tuhan jua yang akan membalasnya.

\* \* \*

Ini hanya sebagai mukadimah sahaja. Permulaan kisahanya akan dituliskan setelah kapal ((Kuala Lumpur)) yang pertama, meninggalkan Singapura pada 25 haribulan Sha‘abān 1381, bersamaan 1 haribulan Februari 1962. Bersambung...



Sudah Siap:  
PERSURATAN MELAYU III  
\$7.00 sa-naskhah  
Penerbitan Qalam:

<sup>3</sup> perkataan yang tepat mungkin tawaduk